

31/08/1997

Kuasai bidang teknologi maklumat

Hizral Tazzif Hisham

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) ialah kawasan khusus yang dibangun berasaskan industri teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi. Ia adalah projek yang dirancang kerajaan kerana menyedari kepentingan mempunyai industri IT dan telekomunikasi tempatan yang mantap dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, selaras matlamat Wawasan 2020.

Ini kerana tidak ada gunanya Malaysia diiktiraf sebagai pengeluar terbesar semikonduktor dan komponen elektronik dunia jika negara tidak mampu menghasilkan pelbagai perisian komputer berasaskan multimedia untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

MSC merangkumi kawasan seluas kira-kira 750 kilometer persegi meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang (KLIA), pusat pentadbiran baru kerajaan dan bandar raya IT di Putrajaya dan bandar raya multimedia, Cyberjaya dengan cadangan pelaburan sebanyak RM5.5 bilion.

Fasa pertama pembangunan prasarana MSC akan menghubungkan KLIA, Cyberjaya, Putrajaya dan ke bandar raya Kuala Lumpur yang dijangka siap tahun 1998. Fasa kedua pula membabitkan penyambungan terus dari KLIA ke bandar raya Kuala Lumpur dan dijangka siap menjelang tahun 2005.

Telekom Malaysia Bhd dilantik sebagai pembekal tunggal prasarana telekomunikasi bagi MSC dengan kontrak RM5 bilion untuk memasang rangkaian gentian optik mengikut projek itu.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan 2.5-10 Gigabyte yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah yang mampu menawarkan penghantaran data, imej, suara, gambar video berkelajuan tinggi.

Selain itu, bentuk perhubungan melalui satelit juga diberi penekanan. Tidak ketinggalan pembentukan sistem rangkaian (networking) yang padu dan mantap dihubung terus ke Sistem Lebuh Raya Maklumat Antarabangsa.

Prasarana IT dan telekomunikasi MSC bakal menyaksikan pembangunan kemudahan untuk sektor perniagaan termasuk telepemasaran, pengeluaran jarak jauh, teleperbankan dan membeli-belah secara tele.

Projek MSC juga membolehkan pengguna mengadakan persidangan secara interaktif dengan pegawai kerajaan, membayar bil secara elektronik, pembelajaran jarak jauh, memeterai perjanjian baru atau menempah barangan di kedai dari rumah mereka hanya dengan klikkan tetikus.

Pekerja pula boleh menghantar, menerima dan berkongsi maklumat dengan majikan atau rakan mereka melalui komputer peribadi di rumah tanpa perlu ke pejabat.

Pelbagai jenis perkhidmatan kerajaan dan komersil akan dicapai dan dilaksanakan melalui persidangan video, Internet berkelajuan tinggi, video dalam permintaan (VOD), hiburan dalam permintaan (HOD) dan perpustakaan elektronik.

Ciri lain MSC ialah ia tidak mengetepikan alam sekitar kerana pendekatan mesra alam sekitar menjadi agenda penting pembangunannya. Ia akan memberi ruang kepada syarikat multimedia tempatan membangunkan produk dan perkhidmatan mereka secara bebas. Kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan disediakan dengan peralatan serba moden.

MSC juga berfungsi sebagai batu loncatan untuk syarikat multimedia tempatan meluaskan perkhidmatan dan produk mereka ke peringkat serantau dan dunia.

Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada pembangunan kepakaran,

kewujudan peluang baru serta mempercepatkan pemindahan teknologi dalam bidang perisian, perundingan, integrasi sistem, pembuatan komputer dan perisian, pengendalian perkakasan dan pergudangan daripada syarikat antarabangsa kepada syarikat tempatan.

Syarikat pembekal kandungan tempatan juga akan digalakkan untuk menyediakan data dan maklumat setempat bagi membolehkan mereka berhubung dengan antara satu sama lain untuk tujuan kerjasama.

Bagi memastikan syarikat IT antarabangsa tertarik untuk melabur, kerajaan akan memberi Bil Jaminan (Bill of Guarantees) sebanyak 10 perkara kepada syarikat yang mendapat status syarikat MSC.

Antara jaminan itu ialah:

- * Membekalkan prasarana maklumat dan fizikal bertaraf dunia.
- * membenarkan penggunaan pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tinggi dalam IT tanpa sekat.
- * Kebebasan bagi mendapatkan modal secara global bagi prasarana MSC dan meminjam dana.
- * Membekalkan insentif kewangan yang kompetitif.
- * Menyediakan undang-undang siber dan perlindungan harta intelek.
- * Menentukan tiada tapisan dalam Internet.
- * Menyediakan tarif telekomunikasi yang kompetitif.
- * Memberikan tender prasarana utama kepada syarikat IT antarabangsa yang akan menggunakan MSC sebagai pusat serantau.
- * Menyediakan agensi pelaksana (MDC) yang akan bertindak sebagai pusat sehenti (one stop centre) utama.

Selain itu, undang-undang siber yang mengawal segala aktiviti operasi syarikat teknologi maklumat dalam MSC sudah diluluskan Parlimen, antaranya ialah Akta Tandatangan Digital, Akta Jenayah Komputer, Akta Harta Intelek (pindaan) dan Akta Teleperubatan.

Akta lain yang akan dibentangkan untuk dibahaskan di Parlimen pada persidangan akan datang ialah Akta Penyatuan Multimedia dan Kerajaan Elektronik.

Kerajaan juga akan menubuhkan Jabatan Tandatangan Digital bagi mengawal selia pelbagai perkara membabitkan urusan niaga yang memerlukan tandatangan digital di samping satu badan yang akan mengawal aktiviti multimedia.

Kira-kira 50 syarikat perintis sudah mendapat status syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) dan melabur di dalam bandar raya multimedia Cyberjaya. Antara syarikat yang mendapat status syarikat MSC ialah Fujitsu, Mitsubishi, British Telecoms, NTT, DHL, Sumitomo, Sun Microsystems, Sharp, NCR, NEC, Northern Telecoms, Siemens, AIMS, IOI Multimedia, Telekom Malaysia, TV3, Alam Teknokrat, Renong Solutions, CSA dan Mimos Bhd.

Kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengeluarkan sebanyak 15 Permohonan Cadangan Untuk Konsep (CRFP) bagi empat aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mana ia mempunyai pendekatan bersepadu bagi menggalakkan kerjasama dan pemindahan teknologi antara syarikat tempatan dan luar negara.

CRFP itu diharapkan dapat merangsang dan menyemarakkan perkongsian pintar antara kepakaran tempatan dan luar negara bagi menghasilkan produk yang mempunyai inovasi tinggi dan mewujudkan industri multimedia tempatan.

Daripada 15 projek itu, lima adalah projek Kerajaan Elektronik, lima projek Sekolah Bestari, empat projek Teleperubatan dan satu projek Kad Pintar Pelbagai Guna.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata CRFP adalah hasil usaha yang dijalankan dalam masa lima bulan antara gabungan wakil kerajaan dan pereka laman.

"Dalam tempoh itu, dokumen wawasan dan rancangan tindakan bagi setiap

satu daripada aplikasi berkenaan diputuskan, termasuk faedah yang dijangka diperolehi kerajaan, pengguna dan pelanggan, strategi pelaksanaan dan pilihan projek perintis," katanya.

CRFP yang dirangka MDC dengan bantuan agensi kerajaan dan pakar bertaraf dunia, akan memberikan kelonggaran kepada syarikat terbabit untuk mencadangkan kaedah difikirkan terbaik dalam melaksanakan projek itu.

Dr Othman berkata, syarikat tempatan dan asing boleh mengemukakan cadangan terbaik bagi melaksanakan projek dan berpandukan CRFP yang diumumkan itu. MDC akan memilih syarikat yang mencadangkan kaedah terbaik.

Sebagai contoh, beliau berkata, Pasukan Petugas Sekolah Bestari akan memilih syarikat tempatan dan antarabangsa yang mengambil bahagian dalam lima CRFP itu secara berasingan dan kemudian akan menggalakkan syarikat yang terpilih supaya bergabung bagi melaksanakan projek Sekolah Bestari secara bersepadu.

Semua proses pemilihan akan tamat menjelang hujung tahun ini dan projek perintis itu dijangka siap pada tahun 2000.

Menurutnya, MDC menganggarkan RM1,600 juta diperlukan untuk melaksanakan 15 CRFP bagi projek perintis empat aplikasi perdana berkenaan yang mana anggaran itu mungkin berubah selepas ia menerima sebut harga daripada syarikat yang berminat melaksanakan 15 CRFP berkenaan.

"Jumlah itu adalah anggaran kami tetapi kos sebenar akan dapat diketahui selepas kami menerima sebut harga daripada syarikat yang menerima Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP)," katanya.

Keempat-empat aplikasi perdana yang diumumkan oleh PM itu dikategorikan mengikut Pembangunan Multimedia manakala tiga aplikasi lain seperti Pemasaran Tanpa Sempadan, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan dan Rangkaian Pengilangan Sedunia dikategorikan mengikut Persekitaran Multimedia.

Agensi yang terbabit dalam pengeluaran 15 CRFP itu ialah Unit Permodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu) bagi aplikasi kerajaan elektronik, Bank Negara Malaysia (kad serbaguna), Kementerian Pendidikan (sekolah bestari) dan Kementerian Kesihatan (teleperubatan).

MDC menggariskan sepuluh kriteria bagi menentukan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC) mewujudkan industri multimedia tempatan yang bertaraf dunia. Antara kriteria yang ditentukan ialah bilangan syarikat yang melabur dalam MSC, pertumbuhan syarikat IT tempatan, penghasilan produk multimedia, teknologi terbaru, perdagangan elektronik, prasarana dan perkhidmatan bermutu tinggi, pekerja berkemahiran, pertumbuhan Keluaran Negara Kasar, imbalan pembayaran serta rangkaian global.

Tegasnya, kerajaan sudah menyediakan kawasan dan insentif untuk membangunkan industri multimedia tempatan dan menghasilkan produk bertaraf dunia. Apa yang penting ialah rakyat tempatan perlu merebut peluang untuk menjadi pemimpin dalam bidang teknologi maklumat serta mencapai objektif menjadi negara maju menjelang 2020.